

Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



Majlis Meraikan Kejayaan

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah
Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj
DK., DK (Johor), SPMJ.
Atas penganugerahan
“Special Jury Prize Gourmand World Cook Book Awards”

dan

Pelancaran


Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang
(MATAHARI)

**9 April 2010 (Jumaat)
9:30 Pagi**

Dewan Kompleks Sukan Universiti
Universiti Malaysia Pahang, Gambang

Carin

TITAH PERUTUSAN



Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata iringan dalam buku program ini.


Kejayaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) merealisasikan penubuhan Persatuan Wanita UMP atau MATAHARI merupakan kesedaran tinggi warga wanita Universiti ini untuk menguruskan hal ehwal dan kebajikan mereka secara lebih tersusun, di dalam satu pertubuhan yang rasmi.

MATAHARI yang bakal disempurnakan pelancarannya hari ini perlulah dilihat sebagai sebuah persatuan yang holistik sifat dan arahnya serta berkeupayaan mengelolakan pelbagai program dan aktiviti yang bukan sahaja disasarkan kepada ahlinya, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara keseluruhannya.


Cabarhan yang dihadapi dengan peredaran zaman yang membayangi masyarakat kita pada hari ini menuntut penggembangan usaha dan inisiatif secara terancang dan strategik bagi menangani pelbagai isu sosial, kemanusiaan dan kekeluargaan. Institusi keluarga yang lemah akan mengeluarkan warga yang bermasalah. Di sinilah letaknya peranan MATAHARI untuk merencana inisiatif yang relevan bagi memperkasa wanita dan institusi keluarga.

Bersempena detik yang bersejarah ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas penubuhan MATAHARI. Saya berdoa kehadiran Ilahi mudah-mudahan barisan kepimpinan dan ahli MATAHARI diberikan kekuatan oleh-Nya untuk menggerakkan agenda persatuan ini serta memaknakan kewujudannya sebagai sebuah organisasi yang boleh diteladani.

Selamat Maju Jaya!

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Tengku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah".

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU PUAN PAHANG
TENGKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI AL-MARHUM SULTAN ISKANDAR AL-HAJ
DK., DK (Johor), SPMJ.



Sekapur Sirih Seulas Pinang

Salam 1Malaysia,

Peranan penting wanita sebagai antara komponen utama dalam kependudukan dan masyarakat tidak dapat dinafikan. Peredaran zaman dan peningkatan kemajuan telah turut mengangkat martabat dan peranan golongan wanita sebahagian pengupaya pembangunan negara.



Liberalisasi sektor pendidikan dan pengajian tinggi telah meluaskan akses masyarakat, termasuklah golongan wanita kepada ilmu pengetahuan. Impaknya amat nyata di mana golongan wanita mendominasi populasi di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan kini timbul pula polemik mengenai peluasan ruang penyertaan eksekutif wanita dalam proses membuat keputusan.

Perkembangan-perkembangan ini perlulah diteliti dari kaca mata positif di mana golongan wanita telah berupaya membuktikan kemampuan dan kebolehan mereka sebagai rakan kongsi, bukan pesaing kepada golongan lelaki. Dalam era kemajuan berdasarkan ilmu pengetahuan, kecemerlangan dan kejayaan itu adalah milik mereka yang mempunyai kelasakan minda yang tinggi, kompetensi serta tahu menggembung bakat, potensi dan sumber secara strategik.

Justeru, penubuhan Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang atau MATAHARI merupakan perlambangan positif kesedaran tinggi warga hawa Universiti ini untuk mengorak langkah yang proaktif untuk maju ke hadapan. MATAHARI adalah platform rasmi di mana idea, bakat dan tenaga dapat digembleng untuk menatijahkan inisiatif-inisiatif yang dapat dimanfaatkan oleh warga wanita di Universiti ini khasnya dan masyarakat amnya.

Sempena saat yang penuh makna ini, saya menyeru MATAHARI untuk tampil sebagai sebuah pertubuhan amal dan sukarela yang efektif dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang relevan, sesuai dengan semangat dan falsafah penubuhannya. Cabaran besar buat MATAHARI selepas ini ialah untuk kekal relevan pada setiap masa serta memastikan kewujudannya terus lestari.

Tahniah!

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang

AHLI JAWATANKUASA PROTEM MATAHARI



Penasihat

Y.Bhg. Datin Fazia binti Ali (*duduk di tengah*)

Presiden

Y.Bhg. Dr. Mimi Sakinah binti Abdul Munaim (*duduk 2 dari kiri*)

Timbalan Presiden

Puan Haryani binti Abdullah (*duduk 2 dari kanan*)

Setiausaha

Puan Mimi Rabita binti Abdul Wahit (*belakang 3 dari kanan*)

Penolong Setiausaha

Puan Sabarehan binti Haji Ismail (*belakang 3 dari kiri*)

Bendahari

Puan Nor Ashikin binti Dolmat @Mat Sani (*duduk dari kanan*)

Ahli-ahli

Y.Bhg. Prof. Dr. Mashitah binti Mohd Yusoff (*belakang dari kiri*)

Puan Nor Ashikin binti Abdul Aziz (*duduk dari kiri*)

Puan Mazita binti Mokhtar (*belakang 2 dari kanan*)

Puan Paridah binti Mohd. Ali (*belakang dari kanan*)

Puan Suzana binti Zahid (*belakang di tengah*)

Puan Norashikin binti Mohd. Zain (*belakang 2 dari kiri*)

Puan Suryati binti Sulaiman (*tiada dalam gambar*)

Puan Nur Rahaizam binti Abd. Halim (*tiada dalam gambar*)

PENGANUGERAHAN “SPECIAL JURY PRIZE GOURMAND WORLD COOK BOOK AWARDS”

Penganugerahan “Special Jury Prize Gourmand World Cook Book Awards” dianugerahkan kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang di atas penerbitan Buku Masakan Tradisional Pahang – Air Tangan Tengku Puan Pahang yang mengumpulkan resepi istimewa Negeri Pahang. Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang menerima anugerah tersebut daripada Mr. Eduoard Cointrean pada 2 Disember 2009 di Le Carre des Fueillants Paris France.

Penglibatan KDYTM Tengku Puan Pahang secara langsung dalam menghasilkan buku masakan tradisional ini menjadikan buku ini sangat istimewa sekali. KDYTM sanggup mencemar duli mengelilingi seluruh pelosok negeri Pahang bagi menerokai khazanah masakan nenek moyang negeri Pahang untuk diperkenalkan di mata dunia.

Bagi memastikan keenakan masakan negeri Pahang terpelihara, maka KDYTM Tengku Puan Pahang sendiri bertindak menjadi “Chief Cook” yang mencuba setiap resepi yang dijumpai di setiap pelosok negeri Pahang sebelum dibukukan. Air tangan ini merupakan satu simbolik kasih sayang KDYTM Tengku Puan Pahang buat rakyat baginda supaya merasai sendiri resepi yang enak ini dengan menggunakan bahan mentah dari alam semula jadi yang pastinya cukup berkhasiat untuk rakyat jelata.

Melalui penerbitan buku ini juga kita dapat melihat sikap kepekaan dan ketelitian KDYTM Tengku Puan Pahang dalam memilih resepi untuk dimasukkan ke dalam buku ini yang bakal menggambarkan keenakan dan khasiat masakan negeri Pahang kepada seluru dunia. KDYTM Tengku Puan Pahang telah memaparkan pelbagai jenis makanan yang enak untuk dikongsi bersama-sama rakyat baginda daripada masakan masyarakat Melayu sendiri sehingga masakan tradisional Orang Kita dan masakan istimewa dari istana baginda yang terkandung di dalam buku ini. Ketelitian baginda inilah yang telah berjaya mengumpulkan sebanyak 155 jenis masakan yang enak dan berkhasiat daripada 500 jenis masakan yang ditemui di pelosok negeri Pahang untuk dimuatkan di dalam Buku Masakan Tradisional Pahang – Air Tangan Tengku Puan Pahang yang julung kali diadakan ini.



ATUR CARA

- 9:30 Pagi : Ketibaan Dif-Dif Jemputan dan Staf Universiti Malaysia Pahang
- 10:00 Pagi : Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim & Isteri
- 10:15 Pagi : Ketibaan Yang Hormat Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang, Dato' Mohd. Hilmey Mohd Taib & Isteri
- 10:20 Pagi : Ketibaan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia YB Dato' Saifudin Abdullah & Isteri
- 10:30 Pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj
- : Persembahan Ucapan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
- : Persembahan Ucapan Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) Y. Bhg. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim
- : Titah Diraja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
- : Majlis Meraikan Kejayaan Sempena Penganugerahan *Special Awards of the Jury* dalam Pertandingan *Gourmand World Cook Book Awards '09* di *Paris Cook Book Fair* untuk Buku Masakan Tradisional Pahang - Air Tangan Tengku Puan Pahang
- : Persembahan Multimedia
- : Persembahan Dana Penajaan oleh Syarikat-Syarikat Penaja utama kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
- : Penyampaian Sijil Penyertaan Kursus Anjuran Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), CENFED dan Jabatan Pendaftar.
- 11:30 Pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang ke Tapak Karnival Wanita
- 12:00 Tengah Hari: Majlis Santapan / Jamuan Tengah Hari
: Majlis Bersurai

PERSATUAN WANITA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (MATAHARI)

Persatuan Wanita UMP yang dikenali sebagai MATAHARI adalah sebuah persatuan yang baharu ditubuhkan pada tahun 2009. Majlis Praapelancaran MATAHARI telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang pada 16 Jun 2009.

Objektif Persatuan

1. Menggerakkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan isteri-isteri kepada staf dan staf wanita di semua peringkat perkhidmatan.
2. Memupuk dan meluaskan fahaman di kalangan staf wanita dan isteri staf tentang peranan dan tanggungjawab terhadap pembangunan negara.
3. Menggalakkan dan menambahkan kesedaran di kalangan staf wanita dan isteri kepada staf tentang hak-hak mereka sebagai wanita.
4. Menggalakkan kegiatan-kegiatan dan gerakan yang manfaat dalam bidang-bidang budaya, sukan, pendidikan, kebajikan, sosial dan kerohanian demi untuk faedah masyarakat.
5. Menggalakkan kegiatan-kegiatan yang menuju ke arah pendidikan dan kebajikan serta taraf wanita dan kanak-kanak di Malaysia.
6. Mengadakan satu saluran hubungan yang diiktiraf serta perhubungan yang erat antara ahli-ahli Persatuan dengan UMP, badan-badan luar yang lain serta masyarakat umum bagi memupuk semangat persefahaman dan menambahkan pengetahuan mengenai perkara-perkara yang mendatangkan faedah kepada Persatuan.

LOGO MATAHARI



1. Reka Bentuk Logo

Logo ini tercipta hasil daripada gabungan imej visual dan juga tipografi yang membentuk lingkaran bunga matahari.

2. Maksud Lambang

i. Imej Visual (Bunga Matahari)

6 Kelopak bunga melambangkan enam objektif tujuan penubuhan Pertubuhan.

ii. Tipografi bersambung

Melambangkan kekuatan ahli dalam Pertubuhan yang mana setiap ahli bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pertubuhan dan sentiasa bekerjasama dalam menaikkan imej Pertubuhan.

iii. 3 Helai Daun

Melambangkan persaudaraan dan setiakawan yang sentiasa dijunjung tinggi oleh ahli Pertubuhan yang terdiri daripada Ahli Biasa, Bersekutu dan Ahli Kehormat.

3. Maksud Warna

i. Kuning

Warna di-raja. Melambangkan Pertubuhan ini dinaungi oleh kerabat di-raja iaitu Tengku Puan Pahang.

ii. Jingga

Melambangkan semangat dan harapan yang tinggi oleh setiap ahli Pertubuhan untuk melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti kemasyarakatan.

iii. Hijau

Melambangkan ikatan persaudaraan dan semangat setiakawan yang sentiasa disemai dalam pucuk pimpinan dan juga ahli.

MATAHARI

Senyum mu Matahari
Menyapa sanubari
Di keheningan pagi
Serikandi UMP
Menyokong Visi suci
Menyatu hati
Menaburkan bakti
Semangat Matahari

Mengungguli peribadi
Memacu kecemerlangan UMP
Terus bersinar, menerangi alam
Dalam kegelapan
Memberikan sinaran
Selebut bidadari
Suci dari syurgawi
Senyum bak matahari

Lagu: Farid Abdullah
Lirik: HBA

JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS MERAIKAN KEJAYAAN
KDYTM TENGU PUAN PAHANG, TUNKU HAJAH AZIZAH
AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI
ALMARHUM SULTAN ISKANDAR AL-HAJ
DI ATAS PENGANUGERAHAN "SPECIAL JURY PRIZE
GOURMAND WORLD COOK BOOK AWARDS" DAN
PELANCARAN PERSATUAN WANITA UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG (MATAHARI)

Penasihat

Datin Hajah Fazia Ali

Presiden

Dr. Mimi Sakinah Andul Munaim

Timbalan Presiden

Haryani Abdullah

Jawatankuasa Jemputan

Nor Syahidah Sabran • Juliana Mohd Ali • Rosidah Hassan

Jawatankuasa Sambutan

Puan Sabarehan Haji Ismail

Jawatankuasa Pengurusan Majlis/Protokol/ Teks Ucapan/Skrip Majlis

Abd Rahman Haji Safie • Emma Melati Burhanuddin • Mohd Rozmillah Othman • Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain • Norhidayah Mohamad • Darulhisam Daros

Jawatankuasa Siaraya/Multimedia & Montaj

Norshuhada Muhsin Nordin • Suzana Wahid • Ariff Ariffin • Ahmad Fitri Hassan • Masmuliadi Jarjis • Mohd Hafizuddin Mohd Ghazali • Muhammad Rizal Ramedan • Shahrol Azmi Amzat • Faizul Azley Abd Muain • Norfaizal Abdul Rahim

Jawatankuasa Promosi/ Penerbitan dan Dokumentasi

Mimi Rabita Abd Wahit • Safriza Baharuddin • Azman Md. Diah • Nor Ashikin Mohd Zain • Raihana Sulaiman • Salwana Haji Mohammad Idris • Noor Azhar Abd Rasid • Hafizatulazlin Abdul Aziz • Mohd Zulkifly Hamzah • Khairul Aidilnishah Rizan Jalil • Anuar Abdul Aziz • Mohd Rizal Ismail • Syed Mohd Akmal Syed Abd Aziz • Siti Sarah Mohd Rajimi

JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS MERAIKAN KEJAYAAN
KDYTM TENGU PUAN PAHANG, TUNKU HAJAH AZIZAH
AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI
ALMARHUM SULTAN ISKANDAR AL-HAJ
DI ATAS PENGANUGERAHAN "SPECIAL JURY PRIZE
GOURMAND WORLD COOK BOOK AWARDS" DAN
PELANCARAN PERSATUAN WANITA UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG (MATAHARI)

Jawatankuasa Sambutan

Sabarehan Haji Ismail

Jawatankuasa Jamuan

Nor Ashikin Dolmat @ Mat Sani • Norliza Arshad

Jawatankuasa Khidmat Komuniti

Zainal Bahari • Mazita Mokhtar

Jawatankuasa Kesihatan

Normayati Mohamad • Junaida Zahari • Muhammad Najib • Julina Samad • Azlina Ahmad • Fazeeyatun Zaharin

Jawatankuasa Karnival/Gerai Jualan

Nuraklimah Roseli • Norkamalia Arbain • Zainon Mohd. Ali • Rozana Sahadan • Ridzuadi Ibrahim • Siti Musliha Mohamed • Mohd Ikram Mat Rani

Jawatankuasa Persembahan/Konsert

Paridah Mohd Ali • Mohd Zaki Ahmad

Jawatankuasa Penajaan

Zuryaty Zol • Ernie Nurazlin Lizam • Zaida Mohamed

Jawatankuasa Kursus Tatarias

Datin Hajah Wan Maizurina Wan Othman • Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman • Syarifuddin Mohamad

Jawatankuasa Keselamatan

Mohd Samsuddin Ab Karim • Noor Sarbanum Tauran Turki • Mohd Nizam Arman

Jawatankuasa Pengangkutan/Penginapan

Lily Azwati Latip • Wallid Wahidi Hamzah • Ahmad Fadly Ibrahim

Jawatankuasa Logistik

Mohd Irwan Musa • Yusmaliza Kamela Mohd Ali • Sharel Sharif • Mohd Nazri Ya • Md Izaparizal Ismail • Zulkarnain Saadi • Mohd Hasmizan Hasbullah • Kamarul Azmizam Mohamed • Sabrizam Salim • Mohd Aznan Othman • Mohd Fitry Awang Samah • Alif Falatin Abd Aziz • Azizan Jernia • Mohd Azam Pauzai • Mohd Zaidi Zainudin • Ruzaidi Mohamed Noor • Mohd Hairulnizam Mohd Zakri • Md Rysdan Mokhtar • Azizi Abu Seman • Abu Sufian Mokhtar • Rais Dermawan Kamaruddin • Nor Azazi Mamat

TAJAAN

Penaja Utama



PORTLAND ARENA SDN. BHD.

Penaja Bersama

1. PORT BUILDER SDN.BHD.
2. KENANGAN PERKASA SDN. BHD.
3. NOORHUDA AND PARTNERS
4. KEJURUTERAAN CEMPERA JAYA SDN. BHD.
5. ZALI MUAFAKAT TRADING
6. FRONTIER BOND (M) SDN. BHD.
7. PASDEC

Lain-Lain Penaja

1. FRONTIER BOND (M) SDN. BHD.
2. PASDEC
3. UNIQUE REFLECTION SDN. BHD.
4. FOUR STAR CHAIR SYSTEM SDN. BHD.
5. IKATAN DYNIA SDN. BHD.
6. DMA BOOK SDN. BHD.
7. SPORT VENTURE SDN. BHD.
8. BERKAT USAHA ENTERPRISE
9. ONE FLASH
10. AIRNETT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
11. MILO
12. ACUSTO CORPORATION SDN. BHD
13. MERLIN ALUMINIUM & GLASS
14. BULY SERVICES
15. SIME DARBY
16. ANUGERAHILHAM MANAGEMENT & SERVICES
17. JURUNIAGA SDN. BHD.
18. ACTIVE HYDRO CONTROL SDN. BHD.
19. AXIS COMMERCE (M) SDN. BHD.
20. EXCEL TRAINING & CONSULTANCY (M) SDN. BHD.
21. BERMULA JAYA TRADING
22. SERANGKAI SUPPLIES SDN. BHD.
23. STIKA POINT ENTERPRISE
24. WADIAH INDAH ENTERPRISE
25. NTH MARKETING SDN. BHD.

AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN WANITA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (MATAHARI)

1. Kursus Tatarias dan Keterampilan Diri

Tarikh : 6 April 2010 (Selasa)
Masa : 9:00 Pagi - 4:00 Petang
Tempat : Dewan Bankuet Kompleks Pentadbiran Utama, UMP

2. Karnival Wanita

Tarikh : 8 & 9 April 2010 (Khamis & Jumaat)
Masa : 9:00 Pagi - 6:00 Petang
Tempat : Kompleks Sukan Universiti dan Dataran Kompleks Sukan Universiti, UMP

3. Kempen Derma Darah

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 9:00 Pagi - 5:00 Petang
Tempat : Kompleks Sukan Universiti, UMP

4. Tapau Mania

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 2:30 Petang - 3:30 Petang
Tempat : Auditorium Perpustakaan, UMP

5. Ceramah Pemakanan Sihat

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 3:30 Petang - 4:30 Petang
Tempat : Auditorium Perpustakaan, UMP

6. Konsert Amal MATAHARI 2010

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 8:00 Malam
Tempat : Kompleks Sukan Universiti, UMP

7. Ceramah Menangani Gangguan Seksual

Tarikh : 13 April 2010 (Rabu)
Masa : 2:30 Petang - 4:30 Petang
Lokasi : Auditorium Perpustakaan, UMP

8. Program Khidmat Komuniti

Tajuk : Kursus Asas Komputer
Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Tempat : Makmal Komputer Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UMP

Tajuk : Kursus Microsoft, Excel dan Database

Tarikh : 10 - 11 Mac 2010 (Rabu & Khamis)
Tempat : Makmal Komputer Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UMP

Tajuk : Kursus Usahawan Berjaya

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Tempat : Bilik Latihan CENFED, UMP

Tajuk : Kursus Asas Ms Office & Internet (Program dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli)

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 8:30 Pagi - 5:00 Petang
Tempat : Makmal Komputer Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UMP

Tajuk : Kursus Asas Usahawan

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 8:30 Pagi - 5:00 Petang
Tempat : Bilik Latihan CENFED, UMP

Sekalung Budi

Universiti Malaysia Pahang (UMP)
dengan segala sukacitanya
merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada semua pihak
yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.